

PERAK

Darul Ridhwan

Zurina Ismail

disunting oleh
Anita bt Morah Abas



PELANDUK PUBLICATIONS

Diterbitkan oleh
Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd
23M Jalan SS2/67,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

© Zurina Ismail 1987

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Rujukan

Haji Buyong Adil — *Sejarah Perak* — Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

ISBN No. 967-978-118-6 (Siri)
967-978-130-5

M
967-978-118-6
ZUR

411134

APB


24 MAY 1988
Perpustakaan Negara
Malaysia

Sejarah Ringkas Negeri Perak

Negeri Perak adalah salah sebuah negeri yang kaya jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kalau negeri-negeri lain kaya dengan kilang industrinya, pembangunannya, taman rekreasinya, kebudayaannya, penduduknya dan tinggalan-tinggalan sejarahnya, berbeza pula dengan kekayaan yang terdapat di negeri Perak. Kekayaan negeri Perak terletak pada hasil buminya iaitu bijih timah. Ia merupakan hasil negeri Perak yang penting hingga ke hari ini serta memainkan peranan penting dalam ekonomi dan pembangunan negeri Perak dan juga negara Malaysia amnya.

Bijih timah bukan sahaja memberikan pulangan yang sungguh lumayan kepada pendapatan kerajaan negeri Perak dan penduduknya bahkan juga salah satu sumbangan yang penting kepada pendapatan negara kita. Melalui pasaran bijih timahlah negara-negara di seluruh dunia mengenali Malaysia. Malaysia dikatakan pengeksport bijih timah yang utama di dunia dan kedudukan ini masih dapat dipertahankan hingga sekarang. Negeri Peraklah pengeluar dan menjalankan perlombongan bijih timah yang terbanyak dalam negara kita.

Sejak zaman permulaan pemerintahan Kesultanan Melayu, bijih timah telah menolong membangunkan negeri Perak. Tetapi jumpaan-jumpaan ini tidaklah secara besar-besaran, mungkin sekali disebabkan peralatan dan teknologi yang digunakan untuk mencari gali bijih timah tidaklah semaju



Peta Negeri Perak


seperti teknologi yang digunakan sekarang. Salah satu contohnya ialah penggunaan kapal korek. Jumpaan bijih timah yang paling besar sekali di Perak berlaku pada tahun 1848 oleh Menteri Larut iaitu Long Jaafar. Kawasan yang pertama bijih timah ini dijumpai ialah di Larut. Semenjak penemuan bijih timah oleh Long Jaafar, negeri Perak menjadi terkenal dan menjadi tumpuan para pengusaha lombong bijih timah yang terdiri dari orang-orang Cina dan orang-orang Inggeris. Ramai saudagar asing telah tertarik hati untuk berniaga di Perak. Begitu juga buruh asing berpusu-pusu datang ke Perak kerana hasil pendapatan dari mencari bijih timah ini sungguh lumayan. Kemudiannya, banyak kawasan perlombongan dibuka.

Selain dari mendatangkan keuntungan, kewujudan bijih timah juga telah mendatangkan kekacauan — negeri Perak diserang oleh negeri atau kerajaan lain dan peperangan dalam negeri. Pergolakan dalam negeri dan perniagaan negeri Perak telah menimbulkan huru-hara dan kesempatan ini digunakan oleh bangsa asing terutamanya Belanda dan Inggeris untuk campur tangan.

Selain dari bijih timah, negeri Perak mempunyai hasil-hasil yang lain seperti getah, kayu balak, minyak kelapa sawit, kelapa, padi dan buah-buahan. Sebut sahaja buah-buahan pastilah kita dapat meneka negeri Perak kaya dengan buah durian.

Sebuah kawasan di negeri Perak yang mempunyai kesan sejarah paling menarik hati ialah di Benting Beras Basah. Di sinilah Sultan Perak yang pertama menjejakkan kaki ke negeri Perak dan sebagai tanda bermulanya sejarah keturunan Kesultanan Melayu Perak yang wujud hingga ke hari ini.

Majlis pertabalan Sultan Perak pada amnya dijalankan dalam majlis besar-besaran yang penuh dengan adat istiadat yang telah diwarisi turun temurun. Selain dari keramaian



Kapal korek yang digunakan dalam perusahaan melombong bijih timah di Perak

gilang-gemilang di istana dan bandar diraja, sultan, permaisuri dan pengiring-pengiring menziarahi ke tempat-tempat permakaman Sultan-sultan Perak sebagai tanda menghormati dan memperingati jasa sultan-sultan. Menziarahi ke makam sultan-sultan sebelumnya ada faedahnya kerana bakal Sultan Perak akan mengetahui siapakah Sultan Perak yang pertama, kedua dan seterusnya. Bakal Sultan Perak dimestikan menziarahi kesemua makam diraja yang sebanyak 33 buah. Setiap makam Almarhum Sultan Perak mempunyai nama-nama yang khusus. Di antaranya makam Sultan Muzaffar Shah I disebut Marhum Tanah Abang, makam Sultan Mansur Shah I disebut Marhum Kota Lama dan seterusnya.

Majlis pertabalan ini diakhiri dengan menziarahi ke Beting Beras Basah iaitu sebuah tebing pasir sungai yang letaknya di Kuala Sungai Perak. Hanya kaum lelaki sahaja menziarahi ke tempat ini dengan menaiki bot dan tidak dibenarkan membawa atau memakai alat-alat kebesaran diraja seperti mahkota dan lain-lain. Mengikut adat, kaum perempuan tidak dibenarkan pergi ke Beting Beras Basah dan semasa istiadat menziarahi ke tempat tersebut, permaisuri bersama rombongan baginda (kaum perempuan) menunggu di Teluk Intan dengan alat-alat kebesaran diraja. Di Beting Beras Basah, sultan dikehendaki menjejakkan kaki ke dalam air untuk membasahkan muka baginda beberapa kali dan merenjiskan air mawar. Ini menandakan baginda telah selamat sampai ke tempat yang bersejarah itu.

Cara perlantikan Sultan Perak adalah berbeza dan lain daripada yang lain dibandingkan dengan perlantikan sultan di negeri-negeri lain. Sistem perlantikan Sultan Perak adalah mengikut Sistem Giliran atau Sistem Pusingan. Dalam Sistem Giliran ini, apabila seseorang Sultan Perak mangkat, pengganti baginda bukanlah putera baginda tetapi tempat diambil alih oleh kerabat terdekat baginda misalnya abang, adik, anak saudara atau cucu saudara. Putera baginda sendiri ter-

paksa melalui tiga peringkat sebelum ditabalkan menjadi sultan dan jawatan putera baginda ini adalah sebagai Raja Di Hilir. ✓

Mengikut sistem perwarisan takhta Perak ini, sultan adalah di tempat yang teratas, diikuti oleh Raja Muda (pengganti sultan), Raja Bendahara (yang akan mengambil tempat Raja Muda) dan Raja Di Hilir (putera sultan). Tetapi sistem ini tidak dipatuhi dengan sesungguhnya kerana apabila berlakunya perebutan kuasa di kalangan kerabat diraja dan pembesar-pembesar, mereka akan menggunakan kuasa dan pengaruh mereka untuk menabalkan raja yang mereka sokong sebagai sultan. Secara tidak langsung, kedudukan raja-raja ini akan berubah.

Negeri Perak telah didiami manusia sejak dari zaman batu lagi. Pada awal Kurun Masehi pula, negeri Perak diduduki oleh orang-orang yang beragama Hindu dan Buddha. Asal-usul penduduk ini tidak dapat dipastikan tetapi barang-barang yang dijumpai seperti patung Buddha, barang-barang perhiasan, perkakas rumah dan lain-lain telah membuktikan bahawa penduduk ini tinggal dan menjalankan perniagaan di negeri Perak. Dikatakan, pada masa ini wujud sebuah kerajaan yang bernama Gangga Nagara iaitu sebuah kerajaan Hindu. Penubuhan kerajaan ini berlaku lebih kurang pada Kurun Masehi yang kelima atau keenam.

Menurut satu dokumen sejarah, sebelum Perak diperintah oleh sultan dari keturunan Kesultanan Melayu Melaka telah wujud dua buah kerajaan yang memerintah negeri Perak iaitu "Beruas" dan "Manjong". Dikatakan juga, kedua-dua kerajaan ini adalah yang tertua di negeri Perak. Tidak banyak yang diketahui mengenai kerajaan ini dan tidak juga dipastikan bilakah kerajaannya didirikan. Tetapi yang pasti, kedua-dua kerajaan ini menjadi jajahan takluk kepada Empayar Melaka ketika pemerintahan Sultan Melaka yang akhir iaitu Sultan

Mahmud Shah.

Salasilah keturunan Kesultanan Perak bermula dari Sultan Muzaffar Shah I hinggalah Sultan Perak yang ke-34 sekarang memerintah iaitu Sultan Azlan Shah. Sultan Muzaffar Shah I adalah putera Sultan Mahmud Shah (Sultan Melaka yang terakhir memerintah) dengan puteri Onang Kening (bonda baginda iaitu puteri Sultan Kelantan). Sultan Muzaffar diputerakan lebih kurang dalam tahun 1505. Baginda mendirikan kerajaan pemerintahan yang pertama di Perak pada tahun 1528.

Perlantikan Sultan Muzaffar Shah sebagai Sultan Perak yang pertama adalah berikutan dari beberapa orang besar Perak yang telah menghadap Sultan Mahmud yang ketika itu berada di Kampar, Sumatera. Baginda bersemayam di sana kerana melarikan diri dari dipuru oleh orang-orang Portugis setelah kerajaan baru yang dibina di Pulau Bentan, Riau ditawan mereka. Pada masa itu, Perak tidak mempunyai sultan dan oleh kerana Perak di bawah jajahan takluk Sultan Melaka menurut adat, orang besar-besar Perak mesti meminta restu dari Sultan Melaka terlebih dahulu sebelum seseorang sultan dilantik. Dalam hal ini, Sultan Mahmud Shah mempunyai kuasa untuk melantik siapakah yang layak menjadi sultan.

Permintaan orang-orang Perak memohon agar diizinkan seorang sultan dilantik, diperkenankan oleh Sultan Mahmud Shah lalu menitahkan putera baginda Raja Muzaffar Shah supaya pergi memerintah negeri Perak. Baginda serta rombongan kemudiannya belayar ke Perak dan mula-mula tiba ke Beting Beras Basah dan disambut oleh orang besar-besar dan rakyat Perak. Raja Muzaffar Shah ditabalkan menjadi Sultan Perak di suatu tempat bernama Tanah Abang yang terletak kira-kira 104 km dari Kuala Kangsar.

Pada masa Sultan Muzaffar Shah memerintah, sebahagian kecil negeri Perak masih diperintah oleh Tun Saban yang tidak

diketahui asal-usul sebenarnya. Malangnya, pemerintahan baginda yang tidak lama itu dicemari oleh permusuhan dengan Tun Saban. Puncaknya apabila Tun Saban tidak mahu memberikan anaknya yang sangat cantik bernama Tun Merah kepada Sultan Muzaffar Shah untuk dijadikan gundik. Sultan Muzaffar Shah sungguh murka lalu menitahkan orang-orangnya mencolek Tun Merah ketika Tun Saban tiada di rumah. Apabila kejadian ini diketahui oleh Tun Saban berlakulah peperangan antara pihak Sultan Muzaffar Shah dengan Tun Saban. Akhirnya, Tun Saban dapat dibunuh oleh Megat Terawis (kerabat diraja Pagar Ruyong, Minangkabau) setelah beliau menerima tawaran Sultan Muzaffar Shah iaitu jawatan Bendahara akan dihadihkan kepada sesiapa yang dapat membunuh Tun Saban. Sejak itu, jawatan Bendahara pun disandang oleh keturunan Megat. Dengan kematian Tun Saban juga, seluruh negeri Perak diperintah oleh Sultan Muzaffar Shah.

Kemangkatan Sultan Muzaffar Shah I pada tahun 1549, digantikan oleh putera baginda iaitu Sultan Mansur Shah I sebagai Sultan Perak yang kedua (1549-1577). Dalam masa pemerintahan Sultan Mansur Shah I, Siam telah menyerang negeri Perak dan ingin menakluknya kerana mahukan bijih timah. Siam berjaya menawan Perak dan memaksa Kerajaan Perak membayar ufti bunga mas tiap-tiap tahun.

Dalam pada itu, Perak juga diserang dan dapat dikalahkan oleh Aceh pada tahun 1573. Sultan Mansur Shah dan keluarga baginda telah ditawan dan dibawa ke Aceh. Tiga tahun kemudian (1577) putera sulung Sultan Mansur Shah iaitu Raja Alauddin yang berkahwin dengan puteri Sultan Aceh menaiki takhta Kerajaan Aceh. Baginda kemudiannya menghantar semua kerabat diraja Perak kembali ke Perak dan Sultan Mansur Shah menduduki semula takhta Kerajaan Perak di bawah takluk Kerajaan Aceh. Tidak lama kemudian Sultan Mansur Shah mangkat.

2
Orang besar-besar Perak segera menghadap Sultan Aceh untuk memohon pengganti ayahanda baginda lalu baginda menghantar adinda baginda Raja Ahmad bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Shah ke negeri Perak sebagai Sultan Perak yang ketiga pada tahun 1577-1584. Kuasa Aceh tidak kekal lama. Setelah kemangkatan Sultan Alauddin, semua keluarga Sultan Mansur Shah kembali ke Perak dan kuasa Aceh ke atas Perak menjadi semakin lemah. Perak tidak lagi mahu tunduk kepada Aceh. Keadaan ini berlanjutan sehingga Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam pada tahun 1619 yang terkenal dengan sifat-sifat berani dan gagah perkasa. Beliau berjaya menakluk semula negeri Perak pada tahun 1619. Semenjak itu, Perak terpaksa tunduk pada kekuatan Aceh.

3
Sultan Mukaddam Shah iaitu Sultan Perak yang keenam (1603-1619) yang memerintah pada masa itu telah ditawan dan dibawa ke Aceh. Turut dibawa bersama ialah adinda baginda iaitu Raja Yusuf yang bergelar Raja Bongsu.

4
Sepeninggalan Sultan Mukaddam Shah, negeri Perak tidak mempunyai sultan. Oleh itu, tanpa menghiraukan kekuasaan Sultan Aceh, orang besar Perak bergelar Maharaja Lela telah membawa Raja Mansur cucu Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin ke Perak yang ketika itu berada di Johor untuk ditabalkan sebagai Sultan Perak yang ketujuh pada tahun 1619. Baginda bergelar Sultan Mansur Shah II.

5
Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah menunjukkan kuasanya ke atas negeri Perak apabila baginda menurunkan Sultan Mansur Shah II dari takhta Kerajaan Perak pada tahun 1627 dan meletakkan Raja Yusuf (adinda Sultan Mukaddam Shah) sebagai Sultan Perak yang kelapan bergelar Sultan Mahmud Shah yang memerintah hingga tahun 1630.

Pada masa Perak diperintah oleh Raja Sulong bergelar Sultan Muzaffar Shah II sebagai Sultan Perak yang ke-10

(1636-1653), Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam mangkat pada tahun 1636. Baginda digantikan oleh menantu baginda Raja Mughal yang bergelar Sultan Iskandar Thani sebagai Sultan Aceh yang baru. Sultan Iskandar Thani adalah putera kepada Sultan Ahmad iaitu Sultan Pahang yang ke-11 berketurunan dari Sultan Melaka. Sultan Muzaffar Shah II dengan baginda adalah sepupu. Walaupun baginda berdua mempunyai tali persaudaraan tetapi Sultan Muzaffar Shah II tidak mempunyai banyak kuasa kerana Perak berada di bawah takluk Aceh dan perlantikan baginda sebagai Sultan Perak pun atas kuasa Sultan Iskandar Thani.

Oleh kerana Perak mempunyai hasil bijih timah yang menguntungkan, bangsa Belanda mula menunjukkan minat ke atas negeri Perak. Pihak Belanda mengetahui bahawa Sultan Muzaffar Shah II tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas negeri Perak. Kemudiannya, mereka pergi ke Aceh pada tahun 1639 untuk berunding dengan Sultan Aceh, meminta kebenaran membeli bijih timah dan berniaga di Perak dan permintaan mereka diperkenankan oleh Sultan Iskandar Thani. Belanda menjalankan perniagaan secara aman hinggalah pada tahun 1641 apabila mangkatnya Sultan Iskandar Thani di Aceh. Pengganti baginda ialah isteri baginda iaitu Puteri Safiatuddin Iskandar Muda Mahkota Alam bergelar Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah.

Dengan mangkatnya Sultan Iskandar Thani, empayar Aceh yang begitu kuat menuju ke arah kejatuhannya kerana pengganti-pengganti selepas baginda terdiri dari raja perempuan. Negeri-negeri yang menjadi jajahan takluk Aceh tidak lagi tunduk di bawah raja perempuan Aceh dan Aceh tidak lagi berdaya mengawal empayarnya yang luas itu. Hanya negeri Perak yang masih lagi kekal di bawah kuasa Aceh.

Pihak Belanda telah mengambil kesempatan di atas kelemahan kuasa Aceh ini dengan menghantar satu rom-

bongan yang diketuai oleh Jan Dirksen Puijt menghadap Sultan Muzaffar Shah II untuk menyampaikan surat Gabenor Belanda di Melaka iaitu Johan van Twist. Rombongan Belanda ini disambut dengan baik oleh Sultan Muzaffar Shah II. Pihak Belanda menyangka bahawa Sultan Muzaffar Shah tentunya akan bersetuju dengan kehendak surat Gabenor Belanda tetapi sangkaan mereka salah apabila baginda menolak dengan baik kehendak Gabenor itu yang mencadangkan supaya Sultan Muzaffar Shah membenarkan hanya orang Belanda sahaja berniaga bijih timah di Perak dengan mengetepikan bangsa-bangsa lain. Pada masa itu, bijih timah juga dibeli oleh saudagar lain seperti bangsa Aceh, Cina, India, Arab dan Jawa. Sudah tentu baginda tidak bersetuju hasil bijih timah hanya dimonopoli oleh Belanda dan menghalang saudagar-saudagar bangsa lain berniaga di Perak.

Orang Belanda memang bersifat tamak. Walaupun saudagar-saudagar bangsa lain membeli bijih timah tetapi pihak Belandalah yang dapat membeli lebih banyak bijih timah. Ini tidak juga memuaskan pihak Belanda. Setelah desakan mereka tidak dipedulikan oleh Sultan Muzaffar Shah, pihak Belanda berusaha mencari jalan lain untuk mencapai kehendak mereka. Berbagai-bagai cara dilakukan untuk menghuru-harakan perniagaan di Perak yang dijalankan oleh saudagar-saudagar asing misalnya, dengan menyekat kapal-kapal dagangan bangsa lain dari memasuki ke pintu masuk negeri Perak. Tindakan Belanda ini hanya menimbulkan kemarahan Sultan Muzaffar Shah tetapi baginda tetap tidak mahu tunduk pada kehendak Belanda.

Pada tahun 1650, Belanda menggunakan paksaan ke atas Raja Perempuan Aceh. Sultan Muzaffar Shah mentaati perintah tersebut yang disampaikan oleh utusan Aceh dan wakil Belanda iaitu Joan Truijtmans. Ini bermakna, baginda akhirnya terpaksa juga tunduk pada kemahuan Belanda. Kekuasaan Belanda ke atas urusan perniagaan dan bijih timah

Perak tidak lama kerana gudang perniagaan mereka telah diserang dan dimusnahkan oleh orang Melayu pada tahun 1651 yang memang bencikan sikap orang Belanda. Belanda terpaksa berundur diri bukan untuk selama-lamanya tetapi hanya sementara waktu sahaja.

Dalam masa pemerintahan Sultan Perak yang ke-11 (1653-1720), Sultan Mahmud Iskandar Shah iaitu putera kepada Almarhum Sultan Muzaffar Shah, Belanda kembali ke Perak untuk membuat perjanjian dengan Kerajaan Perak. Perjanjian ini ditandatangani pada akhir tahun 1653. Syarat-syarat perjanjian ini tidak dipatuhi oleh Kerajaan Perak. Biji timah lebih banyak dijual ke Aceh. Rakyat Perak pula dengan beraninya menyeludup timah keluar untuk dijual kepada bangsa lain. Belanda amat marah lalu menyekat kapal-kapal lain yang datang berniaga ke Perak dan Aceh serta merampas dagangan mereka.

Sekatan ini mendatangkan kerugian kepada kedua-dua negeri. Dengan itu, untuk menamatkan pengepungan Belanda, satu perjanjian damai diadakan pada tahun 1659 iaitu biji timah dari Perak hanya boleh dijual kepada Belanda dan Aceh sahaja dengan harga yang jauh lebih murah. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati taukeh-taukeh lombong lalu mereka menjualkannya dengan cara seludup keluar negeri yang harganya jauh lebih tinggi. Orang Melayu terutamanya yang sangat benci kepada orang Belanda terus memusuhi mereka dan pergaduhan serta serang-menyerang sering berlaku. Dalam pada itu, pihak Belanda mulai bimbang dengan kedatangan Inggeris yang dikatakan ingin menduduki Pulau Pangkor. Pada tahun 1670, pihak Belanda di Betawi mengarahkan Kompeni Belanda di Melaka membina sebuah kubu yang kukuh, lengkap dengan askar dan senjata. Walaupun begitu, kota ini tidak dapat menahan serangan orang-orang Melayu.

Sultan Mahmud Iskandar Shah sendiri gagal mengawal rakyat baginda dan Perak kini tidak aman lagi. Untuk mengembalikan keamanan dalam negeri, baginda memberi kuasa sepenuhnya pada pihak Belanda — membenarkan mereka menyerang, menangkap dan memenjarakan sesiapa yang menyeludup timah keluar negeri dan sekiranya mereka melawan dibunuh sahaja. Kuasa yang diberikan oleh sultan kepada Belanda melampaui batas dan kejam. Sebagai akibatnya, perniagaan Kompeni Belanda semakin merosot dan saudagar-saudagar asing tidak lagi datang ke Perak untuk berniaga. Orang-orang Melayu semakin ramai bangkit mem-berontak.

Dalam masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah III (1728-1756) selaku Sultan Perak yang ke-13, timbul perselisihan faham dengan adinda baginda iaitu Raja Muda Muhammad Shah. Pada masa yang sama (1742) orang Bugis dari Selangor telah menyerang Perak tetapi kemudiannya masuk campur dalam hal perebutan kuasa Kesultanan Perak dengan menyebelahi Raja Muda, begitu juga beberapa orang besar Perak. Penyokong-penyokong Raja Muhammad Shah lalu melantik baginda sebagai sultan bergelar Sultan Muhammad Shah. Dengan ini, dalam negeri Perak terdapat dua orang sultan yang memerintah pada masa yang sama dan negeri Perak berpecah kepada dua buah kerajaan.

Perselisihan ini tidaklah lama. Pada tahun 1743, kedua adik-beradik ini berbaik semula. Sultan Muhammad Shah yang merasakan tindakan baginda adalah sia-sia telah menyatakan hasrat baginda untuk berdamai lalu menyerahkan semua pentadbiran kerajaan kepada Sultan Muzaffar Shah. Baginda kembali kepada jawatan sebagai Raja Muda Perak.

Pada tahun 1747, pihak Belanda telah menghadap Sultan Muzaffar Shah III untuk meminta izin membina sebuah gudang perniagaan yang baru dan juga meminta persetujuan

supaya semua hasil bijih timah dijual kepada pihak Belanda. Baginda bersetuju dengan syarat bijih timah dijual dengan harga yang ditetapkan dan pihak Belanda dikehendaki membayar cukai ke atas bijih timah yang dibeli. Dengan cara ini, pendapatan kerajaan Perak hasil dari kutipan cukai yang dibayar oleh pihak Belanda meningkat dan juga menguntungkan rakyat. Pihak Belanda juga telah memindahkan kota mereka dari Pulau Pangkor ke suatu tempat bernama Tanjung Putus pada bulan Oktober 1748. Perniagaan yang aman ini juga tidak kekal lama apabila Perak diperintah oleh Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770), sebagai Sultan Perak yang ke-15 telah timbul fitnah yang melaga-lagakan kedua-dua belah pihak. Seorang India yang bernama Pir Muhammad telah membuat fitnah mengatakan kepada pihak Belanda bahawa Sultan Zulkarnain akan menyerang mereka.

Pihak Belanda telah bersiap sedia dengan beberapa buah kapal. Melihatkan keadaan ini, baginda sultan juga telah bersiap sedia tetapi nasib baiklah tidak berlaku pertempuran. Selepas itu berlaku lagi beberapa kejadian yang tidak menyenangkan. Pada suatu hari sedang Dato' Syahbandar belayar dalam perahu berdekatan dengan kapal Belanda, beliau telah diajak singgah tetapi beliau menolak. Tiba-tiba kedengaran tembakan ke arah perahu Dato' Syahbandar. Nasib baik tembakan itu tidak mengenai beliau. Sultan Iskandar Zulkarnain amat murka mengenai apa yang terjadi. Pihak Belanda mengatakan mereka bukannya menembak Dato' Syahbandar tetapi menembak monyet di pantai. Walaupun alasan ini tidak memuaskan, baginda terpaksa menerimanya, tambahan pula apabila Belanda telah meminta maaf bersungguh-sungguh. Sejak peristiwa itu, Sultan Iskandar Zulkarnain tidak lagi berapa percaya kepada pihak Belanda.

Di zaman pemerintahan bagindalah berakhirnya tradisi keturunan Megat yang memegang jawatan Bendahara. Bendahara dari keturunan Megat yang terakhir ialah Megat Abu

Kasim. Kemudiannya jawatan Bendahara ini disandang oleh orang kebanyakan. Tidak lama selepas itu, jawatan Bendahara diserahkan kepada adinda baginda iaitu Raja Alauddin. Sejak itu, jawatan Bendahara dimonopoli oleh kerabat diraja Perak.

Sultan Iskandar Zulkarnain adalah Sultan Perak yang pertama memulakan penganugerahan gelaran terhadap bakal sultan dan kerabat diraja yang lain. Baginda juga terkenal sebagai pemerintah yang telah banyak berjasa kepada rakyat dan negeri. Baginda adalah seorang pemerintah yang bijaksana dan bertimbang rasa. Sultan Iskandar memerintah dengan adil dan telah berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat serta memajukan pembangunan negeri. Baginda sentiasa mengambil berat tentang perkembangan hidup rakyat sambil melawat ke merata pelosok negeri bersama orang besar-besar baginda untuk bertemu rakyat. Sebenarnya, sultan-sultan lain sebelum baginda juga mempunyai tujuan yang sama tetapi kebanyakan mereka terlalu sibuk dengan kehadiran orang kulit putih yang seringkali menimbulkan masalah, termasuklah orang-orang Aceh dan Bugis berebut-rebut ingin menguasai perdagangan bijih timah. Pada mulanya Kerajaan Aceh dan Belanda berusaha menakluk Perak tetapi pada awal Kurun Masehi ke-18, Aceh tidak lagi mempunyai kuasa ke atas Kerajaan Perak.

Selepas Aceh, orang Bugis pula telah cuba menakluk negeri Perak tetapi tidak berjaya malahan ada orang besar Bugis yang telah berkahwin dengan keluarga diraja Perak. Pihak Belanda pula tidak jemu-jemu mencuba untuk menguasai seluruh perniagaan bijih timah. Tetapi cita-cita Belanda ini dihalang oleh Sultan Iskandar Zulkarnain yang mencurigai akan tujuan Belanda dan mulai tidak mempercayai mereka. Oleh itu untuk menutup perasaan tidak senang hati terhadap pihak Belanda, baginda telah membuka semula per-

niagaan di Perak kepada saudagar bangsa lain seperti Cina dan India. Mereka ini mula membuka tempat perniagaan yang kemudiannya bertukar menjadi sebuah bandar yang maju. Saudagar dari negeri lain juga digalakkan datang berniaga ke Perak. Penduduk Perak menjadi bertambah ramai dan pada masa itu rakyat hidup dalam keadaan aman dan makmur. Jadi, adalah bertepatan sekali dikatakan Perak mencapai zaman kegemilangannya di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain.

Pada tahun 1783 semasa pemerintahan Sultan Perak yang ke-17 iaitu Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda (1778-1786), orang Inggeris yang pertama bernama Kapten Forest telah sampai ke Perak dengan tujuan untuk melawat dan melihat perkembangan yang sedang berlaku. Kedatangan beliau telah disambut baik oleh Sultan Alauddin yang sudah bosan dengan tipu muslihat perniagaan Belanda. Kira-kira di akhir pemerintahan Sultan Alauddin, pihak Inggeris membuka Pulau Pinang (11hb Ogos 1786) dan memulakan perniagaan mereka. Pembukaan Pulau Pinang ini mengakibatkan perniagaan Belanda mengalami kerugian.

Kemerosotan pengaruh dan perniagaan Belanda di Perak bertambah buruk bila Sultan Ahmaddin Shah (1786-1806) memerintah negeri Perak sebagai Sultan Perak yang ke-18. Dengan jatuhnya Melaka ke tangan Inggeris, pihak Belanda di Perak turut mengundur diri sehingga pada kira-kira tahun 1824 tidak ada lagi orang Belanda yang menjalankan perniagaan di Perak.

Apabila pengaruh Belanda semakin kurang, timbul pula masalah lain di Perak, masalah yang juga bersangkutan dengan bijih timah. Kali ini Perak menjadi rebutan antara Siam * dengan Selangor. Pada tahun 1805, Sultan Ibrahim (Sultan Selangor) telah berjaya menawan sebahagian kecil negeri Perak dan ini memaksa Sultan Ahmaddin Shah serta orang

besar-besar Perak berundur ke Kuala Pelus. Sultan Abdul Malik Mansur Shah (1806-1825) yang menggantikan Sultan Ahmaddin Shah telah menuntut daerah yang ditakluk oleh Sultan Selangor. Apabila tuntutan baginda ditolak, maka serangan pun berlaku. Di akhir peperangan, pihak negeri Perak menang dan kesemua daerah yang ditawan oleh Sultan Selangor kembali menjadi milik Sultan Abdul Malik.

Sultan Selangor masih tetap mengatakan daerah-daerah negeri Perak adalah hak baginda. Tetapi kawasan yang dituntut oleh baginda hanyalah kecil sahaja iaitu meliputi kawasan Kuala Sungai Perak hingga ke Kuala Bidor. Oleh itu, Selangor telah meletakkan seorang kerabat baginda bersama Raja Hasan di Kuala Bidor, Perak untuk memungut cukai timah pada tahun 1806. Hal ini tidak dipedulikan sangat oleh Sultan Abdul Malik.

Belum pun habis masalah dengan Selangor, Siam pula membuat kacau. Pada tahun 1818, Raja Siam memaksa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (Sultan Kedah) menyerang Perak. Pada mulanya, angkatan Kedah berjaya mengalahkan angkatan Perak. Angkatan Perak terpaksa berundur tetapi dengan kebijaksanaan seorang orang besar Perak, mereka berdamai.

Apabila perkara ini sampai ke pengetahuan Raja Siam, baginda memerintahkan angkatan Siam menyerang Kedah pada tahun 1821 dan kemudiannya menakluk Perak. Terpaksalah Sultan Abdul Malik menghantar bunga mas ke Siam tiap-tiap tahun. Keadaan ini tentunya tidak boleh berterusan. Oleh itu, pada tahun 1822 dengan bantuan Selangor, angkatan Perak berjaya menghalau orang Siam dari negeri Perak. Kali ini, ufti bunga mas pula terpaksa diberi kepada Sultan Selangor. Tetapi pendudukan Selangor ke atas Perak tidak lama kerana Siam berjaya menawan Perak semula dan mengancam hendak melanggar Selangor.

Pada tahun 1824, angkatan Selangor telah menyerang dan merampas perahu-perahu Siam yang membawa bijih timah sebagai ufti negeri Perak ke Siam. Dengan itu, berlakulah perselisihan faham di antara pihak Siam dengan Selangor yang menguasai sebahagian kecil Perak. Sementara itu, Raja Hasan wakil pemungut cukai timah untuk Sultan Selangor berlaku kejam terhadap rakyat dan para peniaga di Perak dengan memeras dan mengenakan cukai yang tinggi ke atas mereka. Sultan Abdul Malik tidak boleh berbuat apa-apa kerana angkatan Selangor lebih kuat dan sekiranya orang Selangor diusir keluar, pihak Siam mungkin berlaku lebih kejam terhadap rakyat negeri Perak.

⌈Sementara itu pihak Inggeris juga tidak mahu berdiam diri. Mereka ingin masuk campur terhadap kekacauan yang berlaku di Perak kerana kepentingan perniagaan. ⌋ Sultan Perak (ke-20) iaitu Sultan Abdullah Muazzam Shah (1825-1830) hanya berharap pertolongan dari pihak Inggeris sahaja. Akhirnya, pihak Inggeris dapat membuat perjanjian dengan pihak Siam supaya Siam dan juga Selangor menghentikan perselisihan, serang-menyerang atau memerintah Perak lagi. ⌋ Perjanjian dengan Selangor dibuat pada 20hb Ogos 1825 dan perjanjian dengan Sultan Abdullah Muazzam Shah dibuat pada 6hb September 1825. Perjanjian ini dibuat untuk menetapkan sempadan negeri antara Perak dengan Selangor di Sungai Bernam. Perjanjian dengan Siam pula ditandatangani pada 20hb Jun 1826 di Bangkok yang dikenali sebagai Perjanjian Burney. Pihak Inggeris akan bersedia menolong Perak sekiranya diserang lagi. Semua askar Siam dan Selangor telah meninggalkan Perak dan tinggallah Perak diperintah oleh sultannya sendiri.

Perselisihan mengenai bijih timah berlaku lagi. Kali ini di kawasan bernama Larut. Pada mulanya sedikit sahaja penduduk di Larut yang terdiri dari kaum tani. Apabila Kedah menyerang Perak, ramai juga penduduk dari Kedah berhijrah



J.W.W. Birch, Residen Perak I

ke Larut. Keadaan ini berubah dengan kedatangan Long Jaafar, keturunan orang besar-besar Perak. Apabila Long Jaafar mengetahui bahawa bumi Larut itu kaya dengan bijih timah beliau telah membawa masuk beberapa orang Cina untuk bekerja di lombongnya. Bila kekayaan Larut diketahui umum, lebih ramai lagi orang Cina yang datang ke Larut. Dari hasil bijih timah yang ditemui, Long Jaafar menjadi kaya.

Sementara itu, berlaku perebutan kuasa di kalangan kerabat diraja Perak berserta orang besar-besar tidak berapa lama setelah Sultan Abdullah Muhammad Shah I (1851-1857) menaiki takhta sebagai Sultan Perak yang ke-22. Dalam perebutan takhta ini, pihak Sultan Abdullah kalah dan baginda terpaksa melarikan diri. Pada tahun 1850, Raja Muda Ngah Ali (putera Sultan Shahabuddin, Sultan Perak yang ke-21) telah memberikan daerah Larut kepada Long Jaafar dan keturunan beliau. Bagi mengukuhkan lagi daerah Larut milik sah Long Jaafar, Raja Ngah Jaafar yang menggelar dirinya Sultan Perak telah memberi surat kuasa yang lain pada tahun 1856.

Sultan Abdullah Muhammad Shah I mangkat pada tahun 1857 dan tidak sempat menduduki kembali takhta negeri Perak. Oleh itu, Raja Ngah Jaafar menjadi Sultan Perak yang ke-23 bergelar Sultan Jaafar Muazzam Shah (1857-1865). Di awal pemerintahan baginda ini, Long Jaafar meninggal dunia. Beliau diganti oleh anaknya Ngah Ibrahim yang diberi kuasa yang sama dengan bapa beliau. Pada masa itu, telah ramai orang Cina di Larut yang bekerja di lombong-lombong bijih timah. Mereka ini terdiri dari suku-suku kaum yang datang dari daerah-daerah berasingan di negara China. Oleh kerana terlalu ramai, mereka telah berpecah dan membentuk dua kumpulan kongsi gelap yang besar iaitu Hai San dan Ghee Hin. Kedua-dua kumpulan ini berebut-rebut untuk mendapat kekayaan yang berlipat ganda dan ini menyebabkan timbul permusuhan di kalangan mereka. Permusuhan ini juga melibatkan kerabat diraja dan orang besar-besar Perak yang



Sultan Abdullah Muhammad Shah II, Sultan Perak ke-26

menyokong kumpulan kongsi gelap ini untuk mendapat pengaruh mereka menduduki takhta negeri Perak dan juga kekayaan bijih timah.

Akhirnya permusuhan kedua-dua belah pihak telah mencetuskan peperangan yang berlanjutan selama 12 tahun. Peperangan ini dinamakan Perang Larut I (1861-1863), Perang Larut II (1865-1867), Perang Larut III (1872-1873) dan Perang Larut IV (1873) yang membawa secara langsung campur tangan Inggeris di Perak. Ia berakhir dengan persetujuan yang dicapai melalui Perjanjian Pangkor pada 20hb Januari 1874 untuk mendamaikan perselisihan faham di antara raja-raja dan orang besar-besar Perak serta menyelesaikan pertelingkahan antara kaum-kaum Cina di situ dan menghapuskan kegiatan Kongsi Gelap.

Sejak itu, seorang Residen Inggeris telah ditempatkan di Perak bertindak sebagai penasihat sultan dalam perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan pemerintahan negeri. Residen Inggeris yang pertama ialah J.W.W. Birch. Kapten Speedy pula dilantik menjadi penolong Residen di Larut. Sementara itu, Sultan Perak yang ke-26 ialah Raja Abdullah bergelar Sultan Abdullah Muhammad Shah II (1874-1876) yang mendakwa bahawa bagindalah berhak menduduki takhta kerajaan bukannya Sultan Ismail Mu'abidin Riayat Shah (1871-1874) sebagai Sultan Perak yang ke-25, telah disahkan perlantikan ini oleh Kerajaan Inggeris.

Birch yang dilantik sebagai Residen Inggeris telah menyalahgunakan kuasa. Beliau memerintah apa yang difikirkannya baik tetapi bertentangan dengan cara pemerintahan Sultan Abdullah. Misalnya, sebelum ini semua hasil cukai dalam negeri dipungut oleh sultan dan orang besar-besar tetapi Birch mahu menukar sistem pungutan cukai ini dengan melantik wakil-wakil kerajaan sebagai pemungut cukai. Tindakan Birch ini amat memurkakan Sultan Abdullah. Beliau bukan sahaja



Hugh Low

tidak menghormati baginda tetapi mahu menjadi pemerintah pula, mengatasi segala kuasa baginda. Birch bukan sahaja bermusuh dengan Sultan Abdullah malah dengan orang besar-besar Perak. Salah seorang orang besar Perak yang sangat bencikan Birch ialah Maharaja Lela. Beliau bersumpah tidak akan membenarkan Birch mempengaruhi kampungnya di Pasir Salak.

Permusuhan ini akhirnya membawa kepada kematian Birch pada tahun 1875. Orang yang membunuh Birch ialah Seputum iaitu orang suruhan Maharaja Lela. Untuk melepaskan geram, askar British telah membakar semua perkampungan di Pasir Salak dan kawasan sekitarnya. Peristiwa pembunuhan Birch ini akhirnya mencetuskan perang antara tentera British dengan orang Melayu di beberapa tempat di negeri Perak. Ia dikenali sebagai Perang Perak yang bermula pada 7hb November 1875 hingga 1876. Setahun selepas Birch dibunuh mereka yang bersubahat dan pembunuh-pembunuh beliau telah dapat ditangkap. Raja Ismail dibuang ke negeri Johor, Sultan Abdullah dan beberapa orang pengikut baginda dibuang negeri ke Pulau Sicily di Lautan Hindi tetapi bukan untuk selama-lamanya dan Seputum dihukum gantung. Maharaja Lela yang menyerah diri sekiranya dibicarakan dengan adil akhirnya didapati bersalah dan dijatuhkan hukum gantung sampai mati, begitu juga dengan Pandak Endut dan Dato Sagor.

Penduduk Perak yang tidak setuju dengan pemerintahan British boleh dikatakan telah dihapuskan sama sekali. Selain dari mereka yang telah dibunuh atau dibuang negeri, ramai lagi yang telah meninggal dunia semasa Perang Perak. Pihak British telah melantik Raja Yusuf sebagai Pemangku Raja tetapi hanya pada nama. Perak kini berada di bawah takluk British. Semua corak pemerintahan dan pentadbiran negeri dijalankan oleh pihak British yang diketuai oleh Residen Hugh Low. Sultan Yusuf hanya boleh memberikan sedikit sebanyak



Sultan Idris, Sultan Perak ke-28

nasihat sahaja, baginda tidak mempunyai kuasa. Rakyat Perak terpaksa tunduk kepada corak pemerintahan British. Namun demikian, pembaharuan yang dilakukan oleh Hugh Low telah menghasilkan banyak kebaikan kepada Perak.

Lombong bijih timah yang baru telah dibuka di Daerah Kinta yang menghasilkan lebih banyak timah daripada tempat-tempat lain. Ini menarik perhatian ramai penduduk dan peniaga baru. Penduduk dari bahagian lain di Tanah Melayu juga turut bertumpu ke Perak. Dengan cara ini banyak bandar baru dibuka. Ini dituruti dengan pembinaan jalan raya dan juga jalan keretapi. Sebenarnya jalan keretapi dari Port Weld ke Taiping merupakan jalan keretapi yang pertama dibuka di Tanah Melayu. Banyak bangunan kerajaan telah didirikan di bandar-bandar. Rakyat Perak mula merasai keuntungan daripada hasil bijih timah. Akhirnya setelah 9 tahun Raja Yusuf menjadi Raja Muda (1877-1886), baginda dilantik menjadi Sultan Perak yang ke-27 dengan gelaran Sultan Yusuf Sharifuddin Muzaffar Shah (1886-1887).

Sultan Perak yang ke-28, Sultan Idris Murshidul A'zam Shah (1887-1916) dikatakan sebagai sultan yang paling terkenal dan berkebolehan semasa pemerintahan British. Baginda telah mengambil bahagian dalam pentadbiran negeri sejak dari kecil lagi. Baginda juga merupakan sultan yang banyak membuat lawatan dalam negeri dan luar negeri berhubung hal-hal pentadbiran. Baginda merupakan Sultan Perak yang pertama menjejakkan kaki ke England. Sultan Idris juga terkenal sebagai sultan yang paling banyak mendirikan sekolah, baginda sedar betapa pentingnya ilmu pengetahuan kepada rakyat. Sekolah untuk anak-anak raja dan anak orang besar-besar juga didirikan. Di antara sekolah yang telah dibuka oleh baginda ialah Malay College di Kuala Kangsar (1905) dan sekolah King Edward VII di Taiping (1906). Maktab Perguruan Tanjung Malim juga dibuka pada tahun 1922, enam tahun selepas kemangkatan baginda.



Sultan Idris, Sultan Perak ke-33

2

1

209

Sultan-sultan yang kemudiannya terus memerintah dengan adil dan saksama demi untuk kebaikan rakyat daripada segala aspek.

Semasa Jepun memerintah Tanah Melayu, Perak diperintah oleh Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Bi'llah Shah (1938-1948) sebagai Sultan Perak yang ke-31. Rakyat di seluruh negeri telah menderita atas kekurangan makanan dan barang-barang keperluan dan juga disebabkan oleh kekejaman pemerintahan Jepun. Pada masa itu Sultan Abdul Aziz tetap menjadi sultan dan tidak dipengapakan. Walau bagaimanapun gerak-geri baginda tentunya diawasi oleh pihak Jepun. Di zaman pemerintahan bagindalah ibu negeri Perak dipindahkan ke Ipoh.

Kemajuan dan pembangunan negeri Perak jelas kelihatan setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Selain bijih timah, Perak juga terkenal dengan beberapa tempat peraginannya, seperti Maxwell Hill hingga ke pulau-pulau indah seperti Pulau Pangkor. Perak adalah sebuah negeri yang luas, jadi pemandangan kawasannya sentiasa berubah. Bandar Ipoh pada masa ini merupakan salah satu bandar paling besar di Malaysia. Pada tahun 1985 Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallahi Shah (1963-1985), Sultan Perak yang ke-33 mangkat dengan tiba-tiba. Baginda adalah seorang sultan yang berpelajaran dan berpengalaman. Oleh kerana baginda mula memerintah enam tahun selepas Merdeka, banyak pembangunan negeri dapat dijalankan dengan lancar. Bukti jasa baginda dapat dilihat di seluruh negeri Perak.

Hingga ke hari ini, Sultan Perak yang ke-34, Sultan Azlan Muhibuddin Shah merupakan sultan yang paling terpelajar. Baginda seorang hakim yang bijaksana dan sebelum dilantik menjadi sultan, baginda telah memegang jawatan Ketua Hakim. Perlantikan baginda berlaku dengan tiba-tiba. Semasa perlantikan baginda diumumkan, bukan sahaja Sultan



Sultan Azlan Shah, Sultan Perak ke-34

24 MAY 1988